A **TING CHONG ING & SATU LAGI**

lwn.

KH MANAGEMENT SDN BHD

B MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
CHE MOHD RUZIMA GHAZALI PK
[PENGGULUNGAN SYARIKAT NO: 28 NCC-8-10-2013]
21 JULAI 2014

C ***UNDANG-UNDANG SYARIKAT:*** *Penggulungan - Adil dan saksama - Kemerosotan dalam kepercayaan dan keyakinan antara pemegang-pemegang saham - Laporan tahunan dan mesyuarat agung tahunan tidak diadakan - Sama ada alasan adil dan saksama untuk menggulung syarikat - Sama ada pemegang-pemegang saham minoriti bertindak* D *dengan mementingkan diri - Sama ada pertikaian boleh diselesaikan berdasarkan peruntukan sedia ada dalam syarikat - Akta Syarikat 1965, s. 218(1)(i) & (f)*

UNDANG-UNDANG SYARIKAT: *Mesyuarat - Mesyuarat agung tahunan - Kegagalan mengadakan mesyuarat - Sama ada alasan adil* E *dan saksama untuk menggulung syarikat - Pertikaian antara pemegang-pemegang saham - Sama ada boleh diselesaikan berdasarkan peruntukan sedia ada dalam syarikat - Akta Syarikat 1965, s. 218(1)(i) & (f)*

Responden adalah sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan F memberi perkhidmatan pengurusan dan kesetiausahaan. Pertikaian berbangkit apabila pemegang saham minoriti, yang merupakan pempetisyen-pempetisyen dalam tindakan ini, memfailkan permohonan untuk menggulungkan responden. Alasan yang dikemukakan bagi permohonan ini adalah bahawa terdapat G kemerosotan dalam kepercayaan dan keyakinan di antara pemegang-pemegang saham majoriti dengan pemegang-pemegang saham minoriti sehingga laporan tahunan responden tidak dapat disediakan serta mesyuarat tahunan tidak diadakan. Dengan itu, adalah dihujahkan bahawa situasi ini menjustifikasikan H penggulungan responden atas dasar adil dan saksama di bawah s. 218(1)(f) dan (i) Akta Syarikat 1965 ('Akta'). Pemegang-pemegang saham majoriti, yang merupakan pengarah responden, mendakwa bahawa pempetisyen-pempetisyen telah mengkhianati amanah dan kepercayaan yang diberikan untuk menguruskan I responden, terutamanya dalam hal berkaitan dengan pengeluaran wang dari akaun responden bagi membayar gaji dan bonus yang sangat tinggi kepada diri mereka. Kadar gaji ini telah dinyatakan dalam laporan tahunan penuh responden dan tidak mendapat

kelulusan lembaga pengarah. Adalah hujahan pemegang-pemegang saham majoriti bahawa mereka sanggup membincangkan perkara ini dalam mesyuarat agung khas ('EGM') atau mesyuarat lembaga pengarah dan meminta pempetisyen-pempetisyen mengadakan mesyuarat tersebut sebelum mereka bersetuju untuk menandatangani laporan tahunan responden. Pempetisyen-pempetisyen pula menyatakan bahawa mereka berhak mendapat gaji dan bonus yang tinggi berdasarkan sumbangan yang diberikan untuk menjana pendapatan responden. Antara persoalan yang dibangkitkan untuk pertimbangan adalah sama ada alasan bahawa laporan tahunan tidak disediakan dan tidak mengadakan mesyuarat agung tahunan ('AGM') selama empat tahun merupakan alasan yang adil dan saksama untuk menggulungkan responden.

Diputuskan (menolak permohonan pempetisyen):

(1) Alasan yang diberikan untuk menggulungkan responden bukanlah melibatkan isu yang besar atau melibatkan konflik yang rumit. Peruntukan di bawah s. 218(1)(f) Akta jelas menghendaki bahawa pengarah-pengarah bertindak atas kepentingan sendiri dan membelakangkan ahli yang lain. Berdasarkan fakta, tindakan pemegang saham majoriti adalah munasabah, tidak menekan atau mementingkan diri sendiri apabila mereka tidak berpuas hati dengan laporan yang disediakan dan telah memohon penjelasan. Sebaliknya, pihak pempetisyen yang telah bertindak dengan mementingkan diri apabila mereka mengelak daripada menjelaskan kekeliruan yang timbul dengan cara mengemukakan petisyen untuk menggulung responden bagi menyelesaikan masalah yang berbangkit. (perenggan 21 & 23)

(2) Sebagai setiausaha syarikat responden, pempetisyen kedua sewajarnya memanggil sama ada EGM atau mesyuarat lembaga pengarah bagi menyelesaikan pertikaian yang ada. Walaupun pempetisyen-pempetisyen adalah pemegang saham minoriti, mereka mempunyai kawalan penuh ke atas pengurusan responden. Oleh itu, tidak timbul situasi di mana pemegang saham majoriti telah melakukan penindasan terhadap pempetisyen. (perenggan 23)

(3) Isu mengenai gaji dan bonus pempetisyen-pempetisyen adalah suatu isu yang menyentuh kepentingan semua ahli responden. Perkara ini perlu diselesaikan oleh pihak-pihak berdasarkan peruntukan yang sedia ada dalam responden. Walau pun kegagalan menyediakan laporan tahunan dan tidak mengadakan

AGM adalah suatu kesalahan dalam Akta, tetapi ia ternyata bukanlah satu perkara yang tidak boleh diselesaikan sehingga responden perlu digulungkan. Tambahan, pemegang saham majoriti masih berharapan penuh untuk mengekalkan perniagaan responden dan sanggup mengambil alih responden dengan cara membeli saham pempetisyen. Dengan itu, mahkamah tidak boleh berpandangan bahawa keadaan yang diadukan adalah adil dan saksama bagi mahkamah menggulung responden di bawah s. 218(1)(i) Akta (*Tien Ik Enterprises Sdn Bhd & Ors v. Woodsville Sdn Bhd*; dibezakan). (perenggan 24 & 26)

Kes-kes yang dirujuk:

Abdul Rahim Aki v. Krubong Industrial Park (Melaka) Sdn Bhd & 5 Ors [1995] 4 CLJ 551 CA ***(dirujuk)***

Chemfert Sdn Bhd & Anor v. Lim Hua [2010] 7 CLJ 491 CA ***(dirujuk)***

Commonwealth Loch v. John Blackwood Ltd [1924] AC 783 ***(dirujuk)***

Foo Yin Shung & Ors v. Foo Nyit Tse & Brothers Sdn Bhd [1989] 2 CLJ 419; [1989] 1 CLJ (Rep) 552 HC ***(dirujuk)***

Hew Tze Ken v. United Soil Engineering Sdn Bhd [2009] 1 LNS 937 HC ***(dirujuk)***

In Re Sin Lee Sang Sawmill Sdn Bhd v. Leong Thong & Ors [1989] 2 CLJ 1209; [1989] 1 CLJ (Rep) 601 HC ***(dirujuk)***

Loch v. John Blackwood Ltd [1924] All ER Rep 200 ***(dirujuk)***

Loh Eng Leong & Ors v. Lo Mu Sen & Sons Sdn Bhd & Ors [2000] 8 CLJ 338 HC ***(dirujuk)***

Ng Eng Hiam v. Ng Kee Wei & Ors [1964] 1 LNS 121 PC ***(dirujuk)***

Re Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn Bhd; Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn Bhd & Ors v. Ling Beng Sung [1978] 1 LNS 170 PC ***(dirujuk)***

Re Senson Auto Supplies Sdn Bhd [1987] 1 LNS 110 HC ***(dirujuk)***

Tay Bok Choon v. Tahansan Sdn Bhd [1987] 1 CLJ 441; [1987] CLJ (Rep) 24 PC ***(dirujuk)***

Tien Ik Enterprises Sdn Bhd & Ors v. Woodsville Sdn Bhd [1995] 1 LNS 99 SC ***(dibezakan)***

Ting Teck Sie v. Wong Sen Chiew & Ors [2001] 1 LNS 353 HC ***(dirujuk)***

Yai Yen Hon & Ors v. Lim Mong Sam [1997] 2 CLJ 812 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Companies Act 1965, ss. 139A, 218(1)(f), (i), 221(3)

Bagi pihak perayu - Nanda Kumar Suppiah; T/n AM Ong & Partners
Bagi pihak menentang - Dahlia Lee; T/n Law Chamber of Dahlia Lee & Co

Dilaporkan oleh Kumitha Abd Majid

PENGHAKIMAN

Che Mohd Ruzima Ghazali PK:

Mukadimah

[1] Ibarat sebuah kapal yang diberi nama KH Management Sdn Bhd, telah melayari arus dan gelombang lautan perniagaan selama lebih 30 tahun, akhirnya setelah berlaku perselisihan dalam urusan pelayaran, dua dari empat orang nakhodanya telah bertindak membawa balik kapal berlabuh di pelabuhan dan kemudiannya memohon dari pihak Shah Bandar untuk berhenti belayar, dirobohkan kapal tersebut dan dibahagikan segala laba yang ada setelah ditolak segala hutang-hutang semasa belayar. Begitulah gambaran yang boleh dibandingkan kepada apa yang berlaku kepada responden, Syarikat KH Management Sdn Bhd.

[2] Dua daripada empat orang pemegang saham yang juga merupakan pemegang saham minoriti, telah membuat permohonan bagi membubarkan responden di atas alasan wujudnya kemerosotan dalam kepercayaan dan keyakinan antara pemegang-pemegang saham majoriti dengan pemegang-pemegang saham minoriti sehinggakan tidak dapat disediakan laporan tahunan responden serta tidak diadakan mesyuarat tahunan selama empat tahun. Kemerosotan dalam kepercayaan dan keyakinan dalam hubungan perniagaan tersebut boleh menjustifikasikan penggulungan responden atas dasar adil dan saksama (just and equitable). Pemegang saham majoriti menentang permohonan pempetisyen dan memohon petisyen ditolak.

Latar Belakang Tindakan

[3] Responden telah diperbadankan pada 25 Januari 1983 dengan tujuan utama untuk menjalankan perniagaan memberi perkhidmatan pengurusan dan kesetiausahaan. Pemegang saham pada ketika itu ialah Sui Diong King, Sui Diong Hoe (adik beradik dan kedua-duanya adalah akauntan) dan Ting Chong Ing (pempetisyen pertama yang juga seorang book-keeper) yang memegang saham sama banyak di atas kadar 33.33% setiap seorang. Ketiga mereka juga dilantik menjadi pengarah responden.

[4] Pempetisyen kedua adalah suami kepada pempetisyen pertama, menjadi pemegang saham responden apabila pempetisyen pertama memindahkan dua daripada sahamnya dengan persetujuan pengarah yang lain pada 9 Mac 1991. Pempetisyen kedua juga

dilantik menjadi pengarah dan menjadi setiausaha syarikat, mengambil alih tugas dari isterinya setelah ada pertukaran pada undang-undang pada tahun 1992 yang memerlukan seseorang setiausaha syarikat hendaklah dilantik dari kalangan orang yang berkelayakan secara profesional atau yang berdaftar sebagai setiausaha syarikat di bawah s. 139A Akta Syarikat 1965. Pada masa yang sama kedua pemegang saham suami isteri tersebut (pemegang saham minoriti) telah diamanahkan untuk mengurus responden apabila pemegang saham dua beradik (pemegang saham majoriti) bercadang untuk bekerja di Kuala Lumpur selepas itu. Pada 7 Disember 2006 Sui Diong King telah memindah milik keseluruhan saham kepada anak perempuannya, Josephie Sui Sze Pin, seorang peguam dan pada masa yang sama beliau telah meletak jawatan sebagai pengarah responden.

[5] Pada masa petisyen difailkan, semua pemegang saham adalah merupakan pengarah responden dan peratus pegangan saham masing-masing adalah seperti berikut:

(i) Sui Diong Hoe - 33.33% saham

(ii) Josephie Sui Sze Pin - 33.33% saham

(iii) Ting Chong Ing - 33.26% saham; dan

(iv) Ding Ming Dok - 0.07% saham.

[6] Urusan perniagaan berjalan seperti mana biasa, diuruskan oleh pemegang saham minoriti sehinggalah timbul masalah dan berlaku perselisihan faham pada tahun 2010. Semenjak itu responden tidak lagi mengadakan mesyuarat agung tahunan sehinggalah sekarang. Berlaku tuduh menuduh dan salah menyalah di antara pemegang saham minoriti dengan pemegang saham majoriti sehinggakan beberapa laporan polis telah dibuat oleh pihak-pihak serta terdapat juga tuntutan sivil di mahkamah dan akhirnya pemegang saham minoriti mengambil keputusan memfailkan petisyen bagi menggulung responden.

Dakwaan Pemegang Saham Minoriti – Pempetisyen

[7] Josephie Sui Sze Pin adalah seorang peguam secara profesion dan Sui Diong Hoe mempunyai perniagaan sendiri di Kuala Lumpur. Kedua-dua pemegang saham majoriti dan tidak menyumbang untuk menambah pendapatan responden. Hanya pempetisyen kedua yang merupakan individu yang berkelayakan

untuk memberi servis profesional dan memberi khidmat sebagai setiausaha syarikat serta urusan percukaian. Beliau adalah seorang akauntan bertauliah dan juga seorang agen cukai berdaftar. Dengan itu pemegang saham minoritilah yang merupakan pihak yang membawa pendapatan kepada responden.

[8] Pada tahun 2010 pemegang saham majoriti telah enggan mengadakan mesyuarat agung tahunan ("AGM"). Draf laporan akaun beraudit responden dipertikaikan dan mereka enggan menandatanganinya. Begitu juga dengan AGM bagi tahun 2011, 2012 dan 2013. Pemegang saham majoriti telah dengan sengaja enggan mengadakan AGM tersebut. Pada 18 Ogos 2011 satu mesyuarat agung khas ("EGM") telah diadakan bagi mencari jalan penyelesaian namun menghadapi jalan buntu. Sebaliknya pemegang saham majoriti yang mengawal syarikat hendak mengadakan EGM pada 20 Januari 2014 bagi menukar komposisi pengarah-pengarah dan enggan berbincang dengan pemegang saham minoriti. Tindakan pemegang saham majoriti adalah untuk menekan atau menindas pemegang saham minoriti. Pertelingkahan berpanjangan.

[9] Di samping itu salah seorang pemegang saham minoriti iaitu pempetisyen pertama, terpaksa membayar denda sebanyak RM2,200 yang dikenakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia ("SSM") kerana gagal memfailkan laporan pendapatan tahunan untuk tahun 2011. Salah seorang pemegang saham majoriti, Sui Dong Hoe, juga telah membuat laporan polis berkaitan apa yang dikatakan sebagai penyalahgunaan kuasa dan pecah amanah jenayah yang dilakukan pemegang pempetisyen. Beliau juga telah memfailkan satu writ saman terhadap pemegang pemetisyen pada 10 Mei 2013.

[10] Peguam pempetisyen telah berhujah bahawa adalah jelas dari bukti yang ada, kepercayaan dan persefahaman antara pempetisyen dengan pemegang saham majoriti responden telah tidak wujud lagi (irretrievably broken down). Kemerosotan kepercayaan dan keyakinan di kalangan pemegang saham yang juga merupakan pengarah dalam responden menjustifikasikan penggulungan responden di atas dasar adil dan saksama di bawah ss. 218(1)(f) dan (i) Akta Syarikat 1965. (Kes *Tay Bok Choon v. Tahansan Sdn Bhd* [1987] 1 CLJ 441; [1987] CLJ (Rep) 24; kes *Commonwealth Loch v. John Blackwood Ltd* [1924] AC 783 dan kes *Tien Ik Enterprises Sdn Bhd & Ors v. Woodsville Sdn Bhd* [1995] 1 LNS 99; [1995] 2 AMR 1033 dirujuk)

Dakwaan Pemegang Saham Majoriti

[11] Pempetisyen kedua yang juga suami kepada pempetisyen pertama bukanlah pemegang saham asal responden. Pada tahun 1985 beliau hilang pekerjaan di Kuala Lumpur dan ditawarkan menjadi pemegang saham minoriti serta dilantik menjadi pengarah oleh pemegang saham majoriti dan diamanahkan mengurus responden sepenuhnya bersama isterinya, pempetisyen pertama. Setelah mengambil alih pengurusan, adalah menjadi amalan biasa pempetisyen kedua menghantar muka surat yang perlu ditandatangani pemegang saham majoriti pada laporan tahunan sebelum dihantar ke SSM. Mempercayai pempetisyen kedua, pemegang saham majoriti hanya tanda tangan dokumen berkenaan tanpa apa-apa persoalan. Pada bulan Julai tahun 2010 barulah pemegang saham majoriti memperoleh laporan tahunan penuh bagi tahun 2009 responden. Setelah diteliti, pemegang saham majoriti terperanjat dengan kadar gaji yang tidak pernah diluluskan oleh lembaga pengarah responden dibayar kepada pempetisyen sebanyak RM395,800 berbanding dengan gaji pengarah lain sebanyak RM12,000 setahun. Oleh kerana kesuntukan masa untuk memfailkan laporan tahunan, pemegang saham majoriti menandatangani juga laporan tersebut dengan janji diberikan pempetisyen pertama yang mereka tidak akan mengulangi salah laku yang sama selepas itu.

[12] Pada bulan Julai 2011, pemegang saham majoriti sekali lagi bingung dengan draf laporan tahunan beraudit responden apabila pempetisyen masih mengeluarkan gaji dan bonus kepada diri mereka sebagai pengarah sebanyak RM366,000. Cubaan pemegang saham majoriti untuk diadakan EGM bagi membincangkan perkara tersebut dan perkara lain berkaitan pengurusan responden gagal walaupun pempetisyen pertama telah dimaklumkan oleh pemegang saham majoriti yang mereka tidak akan menandatangani draf laporan jika EGM tidak diadakan. Pempetisyen juga tidak menghiraukan permintaan pemegang saham majoriti bagi diadakan mesyuarat lembaga pengarah walau pun pempetisyen kedua adalah setiausaha responden.

[13] Berdasarkan kepada tingkah laku pempetisyen, pemegang saham majoriti mencadangkan supaya mereka dibenarkan membeli saham responden dari pempetisyen memandangkan pempetisyen telah membelakangkan kepentingan pemegang saham majoriti semasa menguruskan perniagaan responden. Di antara tahun 2010 dan 2013, pempetisyen terus menerus menguruskan perniagaan responden tanpa diadakan mesyuarat yang sepatutnya dan

mengeluarkan wang gaji, kenaikan gaji, bayaran lebih masa dan bayaran bonus yang tidak mendapat kelulusan lembaga pengarah responden dalam jumlah yang sangat besar.

[14] Peguam pemegang saham majoriti yang juga mewakili responden telah berhujah bahawa tidak ada sebarang asas untuk pempetisyen membuat permohonan di bawah di bawah ss. 218(1)(f) dan (i) Akta Syarikat 1965 kerana kegagalan responden memfailkan laporan tahunan yang diwajibkan oleh undang-undang. Ini adalah kerana kegagalan tersebut adalah disebabkan oleh pempetisyen sendiri. (Kes *Foo Yin Shung & Ors v. Foo Nyit Tse & Brothers Sdn Bhd* [1989] 2 CLJ 419; [1989] 2 MLJ 369 dan kes *Ting Teck Sie v. Wong Sen Chiew & Ors* [2001] 1 LNS 353; [2001] MLJU 639 dirujuk).

[15] Peguam pemegang saham majoriti seterusnya berhujah bahawa tidak ada sebarang penindasan berlaku kepada pempetisyen. Sebaliknya merekalah yang menyalahgunakan amanah dan kuasa yang diberikan sebagai pengurus responden oleh pemegang saham majoriti. (Kes *Chemfert Sdn Bhd & Anor v. Lim Hua* [2010] 7 CLJ 491; [2010] 5 MLJ 228 dan kes *Re Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn Bhd; Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn Bhd & Ors v. Ling Beng Sung* [1978] 1 LNS 170; [1978] 2 MLJ 227 dirujuk). Sementara itu kuasa mahkamah hanya boleh digunakan dalam keadaan bila mana ada kebuntuan sepenuhnya dalam pengurusan syarikat. (Kes *Ng Eng Hiam v. Ng Kee Wei & Ors* [1964] 1 LNS 121; [1965] 1 MLJ 238 dirujuk).

[16] Selain itu pempetisyen juga telah datang ke mahkamah 'tidak dengan tangan yang bersih'. Pempetisyen telah menyalahgunakan kuasa dan melakukan pelbagai penyelewengan dalam mengurus responden dan kini datang ke mahkamah untuk membubarkan responden. (Kes *Re Senson Auto Supplies Sdn Bhd* [1987] 1 LNS 110; [1988] 1 MLJ 326; kes *Loh Eng Leong & Ors v. Lo Mu Sen & Sons Sdn Bhd & Ors* [2000] 8 CLJ 338; [2000] 5 MLJ 529; kes *In Re Sin Lee Sang Sawmill Sdn Bhd v. Leong Thong & Ors* [1989] 2 CLJ 1209; [1989] 1 CLJ (Rep) 601; [1990] 1 MLJ 250 dan kes *Yai Yen Hon & Ors v. Lim Mong Sam* [1997] 2 CLJ 812; [1997] 2 MLJ 190 dirujuk).

[17] Akhirnya peguam pemegang saham majoriti berhujah bahawa pempetisyen telah secara salah memfailkan petisyen kerana tidak mendapat persetujuan pemegang saham majoriti melalui resolusi dalam mesyuarat lembaga pengarah responden. Pempetisyen ingin menonjolkan kawalan minoriti yang mana berlawanan dengan

prinsip undang-undang syarikat. (Kes *Hew Tze Ken v. United Soil Engineering Sdn Bhd* [2009] 1 LNS 937; [2010] 1 MLJ 431 dan kes *Abdul Rahim Aki v. Krubong Industrial Park (Melaka) Sdn Bhd & Ors* [1995] 4 CLJ 551; [1995] 3 MLJ 417 dirujuk). Di samping itu pemegang saham majoriti masih berkehendakkan responden meneruskan perniagaan sebagai sebuah syarikat dan sanggup mengambil alih saham dari pemegang saham minoriti. Oleh itu permohonan pempetisyen tidak ada asas dan perlulah ditolak dengan kos.

Keputusan

Undang-Undang Berkaitan

[18] Pempetisyen telah memohon responden digulung di atas dasar adil dan saksama di bawah ss. 218(1)(f) dan (i) Akta Syarikat 1965. Bagi memudahkan rujukan, peruntukan tersebut adalah seperti mana berikut:

> Section 218. Circumstances in which company may be wound up by Court.
>
> (1) The Court may order the winding up if:
>
> ...
>
> (f) the directors have acted in the affairs of the company in their own interests rather than in the interests of the members as a whole, or in any other manner whatsoever which appears to be unfair or unjust to other members;
>
> ...
>
> (i) the Court is of opinion that it is just and equitable that the company be wound up; ...

Pempetisyen bergantung kepada alasan bahawa pengarah di kalangan pemegang saham majoriti telah tidak berlaku adil kepada mereka serta adalah adil dan saksama responden digulung kerana hilangnya kepercayaan dan persefahaman di antara mereka.

[19] Undang-undang adalah mantap dalam hal penggulungan syarikat di atas dasar adil dan saksama. Dalam kes *Yai Yen Hon & Ors v. Lim Mong Sam* [1997] 2 CLJ 812 Mahkamah Rayuan telah merujuk kepada pemerhatian Lord Shaw dalam kes Majlis Privy, *Loch v. John Blackwood Ltd* [1924] All ER Rep 200 di ms. 263:

> It is undoubtedly true that at the foundation of applications for winding-up, on the "just and equitable" rule, there must lie a justifiable lack of confidence in the conduct and management of the company's affairs. But this lack of confidence must be grounded on conduct of the directors, not in regard to their private life or affairs, but in regard to the company's business. Furthermore, the lack of confidence must spring not from dissatisfaction at being outvoted on the business affairs, or on what is called the domestic policy of the company. On the other hand, wherever the lack of confidence is rested on a lack of probity in the conduct of the company's affairs, then the former is justified by the latter, and it is, under the statute, just and equitable that the company be wound up.

Sementara itu, satu lagi keputusan Majlis Privy dalam kes *Tay Bok Choon v. Tahansan Sdn Bhd* [1987] 1 CLJ 441; [1987] CLJ (Rep) 24, Lord Templeman telah memutuskan:

> The Courts of Malaysia are agreed that the principles enunciated in *In Re Westbourne Galleries* [1973] AC 360 apply to a petition under s. 228 for a winding up on just and equitable grounds. In that case Lord Wilberforce, at p. 379, pointed out that the words "just and equitable":
>
> > ... are a recognition of the fact that a limited company is more than a mere legal entity, with a personality in law of its own: that there is room in company law for recognition of the fact that behind it, or amongst it, there are individuals, with rights, expectations and obligations *inter se* which are not necessarily submerged in the company structure. That structure is defined by the Companies Act and by the articles of association by which shareholders agree to be bound. In most companies and in most contexts, this definition is sufficient and exhaustive, equally so whether the company is large or small. The 'just and equitable' provision does not, ... entitle one party to disregard to the obligation he assumes by entering a company, nor the Court to dispense him from it. It does, as equity always does, enable the Court to subject the exercise of legal rights to equitable considerations; considerations, that is, of a personal character arising between one individual and another, which may make it unjust, or inequitable, to insist on legal rights, or to exercise them in a particular way.

Dengan itu adalah jelas bahawa pempetisyen adalah merupakan individu dan ahli kepada responden yang ada hak, harapan dan tanggung jawab kepada responden. Pempetisyen ada hak datang ke

mahkamah mengadu dan memohon relif untuk menggulung responden di atas dasar atau alasan adil dan saksama. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tugas mahkamah untuk menentukan sama ada wujudnya alasan yang adil dan saksama di dalam permohonan pempetisyen. Bagi tujuan tersebut, fakta-fakta yang berkaitan sehingga menyebabkan pempetisyen memfailkan petisyen untuk penggulungan responden dan fakta-fakta pihak yang menentang petisyen perlulah diteliti bagi diputuskan duduk perkara yang sebenarnya.

Aplikasi Fakta

[20] Terdapat lapan afidavit yang difailkan pihak-pihak. Tiga afidavit yang difailkan pempetisyen pertama bagi pihak pempetisyen-pempetisyen termasuk afidavit menentu sahkan petisyen. Sementara itu lima afidavit yang difailkan pemegang saham majoriti bagi pihak responden untuk menentang petisyen.

[21] Setelah membaca dan meneliti kesemua afidavit berkenaan, bolehlah disimpulkan bahawa alasan yang diberikan untuk menggulung responden bukanlah melibatkan isu yang besar atau melibatkan konflik yang rumit. Pihak pempetisyen hanya bergantung kepada fakta keengganan pemegang saham majoriti menandatangani laporan tahunan responden sehinggakan mesyuarat agung tahunan selama empat tahun tidak boleh dilaksanakan. Responden dikatakan tidak berfungsi lagi dan berdasarkan tindakan pemegang saham majoriti yang menindas serta hilang kepercayaan kepada mereka yang mengurus responden, pempetisyen mempunyai alasan yang adil dan saksama untuk memohon responden digulung.

[22] Sementara itu pemegang saham majoriti pula mendakwa pempetisyen telah mengkhianati amanah dan kepercayaan yang diberikan untuk mengurus responden terutama dalam hal berkaitan dengan pengeluaran wang dari akaun responden bagi membayar gaji dan bonus yang sangat tinggi kepada diri mereka. Pemegang saham majoriti sanggup membincangkan perkara tersebut sama ada di dalam EGM atau pun mesyuarat lembaga pengarah dan meminta pempetisyen mengadakan mesyuarat tersebut sebelum mereka bersetuju menandatangani laporan tahunan responden. Pempetisyen enggan penuhi permintaan pemegang saham majoriti dan terus menerus menyalahkan mereka dalam pertikaian yang tidak berkesudahan tersebut.

[23] Persoalannya adakah alasan tidak dapat disediakan laporan tahunan yang mana termasuklah laporan kewangan responden dan tidak diadakan AGM selama empat tahun sebagai alasan yang adil dan saksama untuk menggulung responden? Pada pandangan saya, pempetisyen perlu membuktikan dan meyakinkan mahkamah bahawa alasan tersebut adalah adil dan saksama kepada semua pihak, termasuklah kepada pemegang saham majoriti. Adil dan saksama tidak semestinya bila pempetisyen terasa tertindas dengan tindakan pemegang saham majoriti yang enggan menandatangani laporan tahunan atau mereka hilang kepercayaan serta keyakinan pada cara pempetisyen mengurus responden. Peruntukan s. 218(1)(f) Akta Syarikat 1965 jelas menghendaki bahawa pengarah-pengarah telah bertindak atas kepentingan sendiri dan membelakangkan ahli yang lain. Daripada fakta yang dikemukakan, pemegang saham majoriti yang juga pengarah responden telah tidak berpuas hati dengan laporan yang disediakan dan telah memohon penjelasan yang pada saya adalah suatu tindakan yang munasabah, tidak menekan atau pentingkan diri sendiri. Sebaliknya pempetisyenlah yang telah bertindak dengan mementingkan diri apabila mengelak dari menjelaskan kekeliruan yang timbul dengan cara mengemukakan petisyen untuk menggulung responden bagi menyelesaikan masalah yang berbangkit. Sebagai setiausaha syarikat kepada responden, pempetisyen kedua sewajarnya memanggil mesyuarat sama ada EGM atau mesyuarat lembaga pengarah bagi menyelesaikan pertikaian yang ada. Walau pun pempetisyen adalah pemegang saham minoriti, mereka mempunyai kawalan penuh ke atas pengurusan responden. Oleh itu tidak timbul pemegang saham majoriti melakukan penindasan kepada pempetisyen.

[24] Mengenai isu gaji dan bonus pempetisyen yang didakwa terlalu tinggi dan tidak mendapat kelulusan lembaga pengarah seperti yang didakwa pemegang saham majoriti, pada pandangan saya ianya satu isu yang menyentuh kepentingan semua ahli responden. Dari fakta yang ada pempetisyen tidak menafikan penerimaan gaji dan bonus yang terlalu tinggi tersebut, sebaliknya mengatakan mereka berhak mendapatkannya berdasarkan sumbangan yang mereka berikan dalam menjana pendapatan responden. Isu tersebut perlulah diselesaikan oleh pihak-pihak berdasarkan peruntukan yang sedia ada dalam responden. Walau pun kegagalan menyediakan laporan tahunan dan tidak mengadakan AGM adalah suatu kesalahan dalam Akta Syarikat 1965, tetapi ianya ternyata bukanlah satu perkara yang tidak boleh diselesaikan sehingga perlu responden digulung. Tambahan pula adalah menjadi fakta yang tidak dipertikaikan bahawa pemegang

saham majoriti masih berharapan penuh untuk mengekalkan perniagaan responden dan sanggup mengambil alih responden dengan cara membeli saham pempetisyen, pemegang saham minoriti. Mereka juga sanggup berhadapan dengan tindakan SSM, di atas kelewatan menyediakan laporan tahunan responden setelah diberi kuasa untuk mengambil alih pengurusan responden. Responden nyata dalam keadaan kewangan yang baik sehinggakan pempetisyen dapat membayar kepada diri mereka gaji dan bonus yang tinggi setiap tahun. Saya bersetuju dengan pemerhatian yang dibuat oleh Hakim Mohd Ghazali Yusoff (pada ketika itu) dalam kes *Ting Teck Sie v. Wong Sen Chiew & Ors* [2001] 1 LNS 353; [2001] MLJU 639 yang mengatakan:

> An order to wind up the company would certainly be a harsh decision and unjust and inequitable especially where the majority shareholders are keen to continue with the company.

[25] Peguam pempetisyen telah merujuk kepada keputusan Mahkamah Agung (pada ketika itu) dalam kes *Tien Ik Enterprises Sdn Bhd & Ors v. Woodsville Sdn Bhd* [1995] 1 LNS 99; [1995] 2 AMR 1033 mengenai kehilangan kepercayaan dan keyakinan sesama ahli yang merupakan asas kepada penubuhan sesebuah syarikat. Saya membezakan situasi yang ada di antara kes tersebut dengan yang ada di hadapan saya. Faktanya sangat berbeza. Dalam kes tersebut semua empat pemegang saham telah menyatakan niat mereka untuk membubarkan syarikat, cuma tiada tindakan yang diambil. Ternyata dari keterangan yang ada persefahaman antara mereka sudah tidak wujud lagi dan keadaan tersebut menjustifikasikan penggulungan syarikat di atas dasar adil dan saksama. Berbeza dengan keterangan yang ada dalam petisyen di hadapan saya. Tidak ada sebarang keterangan dalam afidavit yang mengatakan adanya niat ahli-ahli responden untuk menggulung responden sebelum petisyen difailkan, malahan pemegang saham majoriti dengan keras membantah penggulungan responden dan menyatakan kesanggupan untuk mengambil alih pengurusan responden.

[26] Berdasarkan kepada fakta yang ada, saya mendapati dan memutuskan bahawa pempetisyen gagal untuk membuktikan wujudnya elemen seperti mana diperlukan undang-undang iaitu 'the directors have acted in the affairs of the company in their own interests rather than in the interests of the members as a whole, or in any other manner whatsoever which appears to be unfair or unjust to other members'. Dengan itu juga mahkamah tidak boleh berpandangan atau membuat rumusan bahawa keadaan yang

diadukan oleh pempetisyen adalah adil dan saksama bagi mahkamah menggulung responden di bawah s. 218(1)(i) Akta Syarikat 1965. Walau pun terdapat laporan polis dan tindakan mahkamah diambil terhadap pempetisyen oleh salah seorang pemegang saham majoriti, itu tidak cukup untuk membuktikan bahawa responden sudah tidak boleh berniaga lagi dan harus digulung oleh mahkamah. Tindakan tersebut pada pandangan saya hanyalah satu langkah yang diambil ahli lain dalam responden untuk mendapatkan hak masing-masing. Saya turut tidak memberi pertimbangan kepada dakwaan bahawa pempetisyen telah bertindak secara *mala fide* dan datang ke mahkamah tidak dengan tangan yang bersih oleh pemegang saham majoriti memandangkan dakwaan tersebut memerlukan pembuktian yang ketat.

Keputusan

[27] Berdasarkan alasan yang telah dinyatakan tersebut, saya mendapati dan memutuskan untuk menolak permohonan pempetisyen bagi menggulung responden. Saya tidak membuat sebarang perintah untuk kos tindakan memandangkan kesemua pemegang saham yang juga merupakan pengarah dalam responden sepatutnya bersama-sama menyelesaikan masalah yang ada. Oleh kerana ketiadaan kerjasama menyebabkan responden tidak dapat menyediakan laporan tahunan dan seterusnya diadakan AGM. Di samping itu saya telah menggunakan kuasa budi bicara yang diperuntukkan di bawah s. 221(3) Akta Syarikat 1965 bagi mengeluarkan perintah supaya semua dokumen responden yang berkaitan penyediaan laporan berkanun responden diserahkan dengan segera kepada setiausaha syarikat yang telah dilantik oleh pemegang saham majoriti untuk disediakan laporan berkanun yang berkenaan dan menghantarnya segera kepada SSM dan dengan selepas itu dengan segera diadakan AGM.